



JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

Tingkat 9 & 10, Bangunan Baitul Makmur II,
Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Telefon: 082 – 495959

Faksimili: 082-495800 (Akauntan Negeri)

Faksimili: 082-495801 (Timb. Akauntan Negeri)

Faksimili: 082-495802 (Naziran dan Risiko)

Faksimili: 082-495803 (Akaun dan Amanah)

Faksimili: 082-495804 (Pentadbiran dan Sumber Manusia)

Faksimili: 082-495807 (Bajet dan Bayaran)

Faksimili: 082-495808 (Saraan)

Faksimili: 082-495817 (Khidmat Perakaunan)

Faksimili: 082-495990 (Penyata Kewangan)

Faksimili: 082-495991 (Operasi Perakaunan)



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK NO. 5/2023

PERKARA: WAKTU OPERASI KAUNTER TERIMAAN KERAJAAN NEGERI

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan waktu operasi kaunter terimaan untuk semua pejabat pemungut yang membuat kutipan Kerajaan Negeri.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Penyemakan semula waktu operasi kaunter terimaan dibuat bagi memastikan semua kaunter terimaan yang mengurus kutipan Kerajaan Negeri diambilkira dalam panduan waktu operasi kaunter dan selaras dengan matlamat mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri.
- 2.2. Kali terakhir waktu operasi kaunter terimaan ini dipinda ialah melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak No.5/2012: Pindaan Waktu Operasi Kaunter Terimaan.

3. WAKTU OPERASI KAUNTER TERIMAAN

3.1 Waktu Operasi Kaunter Terimaan Kementerian/ Jabatan

3.1.1 Waktu Operasi sedia ada bagi kaunter terimaan di Kementerian/Jabatan adalah seperti berikut:

Isnin – Khamis	8.00 pagi – 1.00 tengahari	2.00 petang – 5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi – 11.45 pagi	2.15 petang – 5.00 petang

3.1.2 Sehubungan itu, semua pejabat pemungut hendaklah mengubah catatan waktu operasi kaunter terimaan pada bil/dokumen bayaran dan papan notis untuk makluman orang awam sekiranya belum berbuat demikian.

3.2 Waktu Operasi Kaunter Terimaan *Service Sarawak*

3.2.1 Waktu operasi sedia ada bagi kaunter terimaan di *Service Sarawak* Kuching, Sibu dan Miri adalah seperti berikut:

Isnin – Jumaat	8.00 pagi – 7.00 malam
Sabtu dan Ahad	8.00 pagi – 5.00 petang
Cuti Umum	Tutup

3.2.2 Waktu operasi bagi kaunter terimaan *Service Sarawak* di Bahagian-bahagian lain adalah seperti berikut:

Isnin – Sabtu	8.00 pagi – 5.00 petang
Ahad dan Cuti Umum	Tutup

3.2.3 Sebarang pertukaran berkenaan waktu operasi kaunter terimaan *Service Sarawak* adalah tertakluk kepada arahan Setiausaha Kerajaan Sarawak dari semasa ke semasa.

4. **PROSEDUR LOJMEN KUTIPAN**

4.1 **Tanggungjawab Pemungut**

4.1.1 Lojmen bagi kutipan harian ke bank atau Perbendaharaan Kecil hendaklah dilakukan sebanyak dua (2) kali sehari seperti berikut:

Tempoh Kutipan	Masa Lojmen/Simpanan
8.00 pagi – 1.00 petang (Isnin - Khamis)	Sejurus selepas pukul 1.00 petang
8.00 pagi - 11.45 pagi (Jumaat)	Sejurus selepas pukul 11.45 pagi
2.00 petang – 3.30 petang (Isnin - Khamis)	Sejurus selepas pukul 3.30 petang
2.15 petang - 3.30 petang (Jumaat)	
3.30 petang – 5.00 petang (Isnin - Jumaat)	Kutipan disimpan dalam peti besi atau bilik kebal atau sekurang-kurangnya dalam kabinet besi berpaling yang ditempatkan dalam bilik berkunci pejabat sejurus selepas penutupan kaunter untuk dibuat lojmen pada hari bekerja berikutnya.
8.00 pagi – 5.00 petang (Sabtu & Ahad)	

4.1.2 Walau bagaimanapun, lojmen bagi kutipan harian ke bank boleh dilakukan pada bila-bila masa semasa waktu bekerja sekiranya jumlah kutipan adalah banyak bagi mengelak risiko kehilangan. Lojmen melalui saluran Mesin Deposit Tunai/Cek (*Cash/Cheque Deposit Machine*) adalah tidak dibenarkan.

4.1.3 Buku Tunai Jabatan (T.13) Elektronik hendaklah dijana dan dicetak, manakala T.13 manual hendaklah dikemaskini pada penghujung hari selepas penutupan akhir kaunter terimaan pada hari tersebut juga.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat pekeliling ini.
- 5.2 Dengan ini, Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Sarawak No.5/2012 Pindaan Waktu Operasi Kaunter Terimaan bertarikh 18 Oktober 2012 adalah dibatalkan.
- 5.3 Sebarang pengecualian daripada Surat Pekeliling ini hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Akauntan Negeri Sarawak secara bertulis.

6. PERTANYAAN


Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila berhubung dengan Jabatan ini di talian 082-495959.

Sekian, terima kasih.

"Tepat Ramah Yakin"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



(DATU HAJAH ELEAN BINTI MASA'AT)
Akauntan Negeri Sarawak

Rujukan: TRY:301004/Vol.7/(14)

Tarikh: **01 DEC 2023**

Agihan Kepada : Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak
: Peguam Besar Negeri, Sarawak
: Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
: Semua Residen
: Semua Ketua Jabatan
: Semua Akauntan Perbendaharaan Bahagian

Salinan Kepada : Pengarah Audit Negeri, Sarawak